

Majlis Perasmian Mastera 2025

10 September 2025

Ucapan Dr Azhar Ibrahim

Timbalan Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura

1. Assalamualaikum kepada Tetamu Kehormat,
Yang Juga Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura
Encik Zhulkarnain Abdul Rahim
Ketua Delegasi Malaysia, Brunei Darussalam,
Puan Roziah binti Md. Yunus
dan Dr Haji Mohd Ali bin Haji Radin
Pengerusi Lembaga Penasihat MBMS,
Encik Yatiman Yusof
Yang dihormati Tuan Haji Maarof Salleh
Para Sasterawan Tanah Air dan Serantau
Juga Ahli-ahli Majlis MBMS
Mula pertama, izinkan madah penyeri kata
2. Selamat datang ke Kota Singapura
Berhimpun Mastera empat hari lamanya
Kami bersemangat dengan niat menyala
Agar Tuan Puan hadir dengan bahagia
3. Kami sebagai Tuan Rumah, berbesar hati menerima Tuan Puan yang
bertandang dari jauh ke tempat kami. Semoga pengalaman Tuan Puan

beberapa hari di kota kami terisi dengan kesaksian dan kenangan yang indah membahagia.

4. Medan Mastera adalah medan keilmuan, kesenian, kesepakatan, perancangan, dan yang paling penting persahabatan. Dengan semangat persahabatan hubungan kita bertambah erat.
5. Persahabatan adalah kudrat dan kelebihan manusia. Dengan bersahabat kita bersatu kuat, kita duduk bermuafakat, kita berhimpun mendapat berkat, kita bersastera agar hidup berseni dan bersemangat
6. Antara yang mengajar kita kiblat sahabat ialah para sasterawan, yakni para penulis kita, dulu dan kini, kecil dan besar, tua dan muda.
7. Dari sasterawan, kita disalurkan 3 hikmat.
 Pertama, kenal bahawa kemanusiaan itu suatu kudrat yang harus ia bangunkan agar kehidupan kita beroleh tenaga kuat, berkat, semangat, dan berdiri teguh untuk umat dan sejagat.
 Kedua, hubungan manusia mesti merapat, tahu sejarah, tahu tempat, sedar pentingnya bulat muafakat. Begitu juga hubungan manusia dengan alam, kerana kita bertanggungjawab memegang amanat.
 Ketiga, keindahan itu menjadikan kita insan yang sempurna sifat, suara sastera suara keramat, menunjukkan yang berguna bersusun pepadat, yang rosak baik dikerat, yang beruntung baik dipukat, yang menjanjikan jangan disekat.

8. Sesungguhnya Mastera ini adalah ciptaan sasterawan kerana sasterawanlah kita berkumpul, bermesra dan berbagi.
9. Kami dari Mastera Singapura, banyak belajar dari Sasterawan kami, pastinya juga sasterawan serantau. Sasterawan dan karya mereka memperkaya budi, ilmu dan keihlanan kami. Mastera Singapura yang dibawah naungan Majlis Bahasa Melayu Singapura, kiranya sudah 3 kali menganjurkan SAKAT dan Persidangan Mastera. Dengan segala kekurangan kami, Syukur kami mengusahakan penganjuran ini dengan sebaik mungkin. Termaklum kami semua adalah sukarelawan yang dipinjamkan dari pelbagai institusi, namun kami bergabung oleh kerana persahabatan dan berkeyakinan besar bahawa para sasterawan dan usaha mereka harus disambut dan dijulung.
10. Yang pastinya Mastera tahun ini bergerak susun berkat dari kerja Sekretariat Majlis Bahasa Melayu Singapura, yang dengan baik dirurusnya oleh Cik Inka dan Cik Nadra, kedua-duanya sebenarnya sangat baru dengan dunia Mastera. Terima kasih kepada kumpulan kerja yang dipimpin oleh Cik Rita.
11. Tuan-Tuan pasti dapat melihat tampilnya beberapa anak-anak muda kami. Baik sebagai pemakalah, pengacara, moderator, tukang angkat doa dan peserta, kesemua mereka adalah dari kumpulan yang kami bina, yang dikenali Sahabat Sastera. Inilah pertama kali, para anak-anak muda kami diberikan peranan besar dalam membantu menjalankan acara Mastera ini.

12. Pastinya ini suatu keberkatan. Sebenarnya, Sahabat Sastera lahir dari cetusan perbincangan sewaktu kami delegasi Mastera Singapura hadir di persidangan Mastera Brunei Darussalam, setelah delegasi Malaysia mengusulkan visi kedepan membawa Mastera, sedangkan gerakan anak muda di Indonesia menginspirasi untuk mengkedepan darah muda untuk tampil memberi sumbangan.

13. Di bawah kepimpinan Prof Hadijah, saya diamanahkan menggerakkan Sahabat Sastera. Syukur hari ini Sahabat Sastera hadir untuk Mastera 2025, dan dapat disimpulkan bahawa Sahabat Sastera adalah hasil ciptaan Mastera.

14. Tuan-puan, inilah keberkatan kita berkumpul untuk sastera dan sasterawan. Ke depan semoga kesepakatan kita menjadi kukuh, ampuh, menyeluruh dan bersungguh. Moga ke depan kita terus diberkati semangat dan berkat persahabatan Mastera ini.

15. Mengingatkan pepatah bidalan nenek moyang kita tentang kepimpinan yang membawa berkat, semangat, manfaat dan hikmat. Itulah peranan para sasterawan kita, yang sudah dibayangkan dalam bidalan ini:

“Yang disebut pemimpin sejati:

Bagaikan kayu besar di tengah padang

Rimbun daunnya tempat berteduh

Kuat dahannya tempat bergantung

Kukuh batangnya tempat bersandar

Besar akarnya tempat bersila

Yang jauh mula nampak

Yang dekat mula bersua

Yang tingginya menahan angin

Yang rendahnya menahan lapah

Cerdiknya penyambung lidah

Beraninya pelapis dada

Alimnya tempat berpatwah

Bijaknya tempat beramanah

Sabarnya tempat mengadu

Adilnya tempat bertimbang

Lurusnya tempat berwakil

Benarnya tempat berpijak

Budinya tempat berhutang

Bijaknya tempat berguru

Teladannya tempat meniru

Rumahnya tempat beradat

Tempat berunding muafakat

Tempat berhenti jauh dan dekat

Tempat berhimpun kaum kerabat

Tempat singgah taulan sahabat

Tempat mengadu segala rakyat

Gelanggangnya tempat bermain

Tempat kasih sama dijalin

Tempat muda sama dipimpin

Tempat berbanding bagaikan cermin

Ladanganya tempat menuai

Tempat makan orang ramai

Tempat kusut sama selesai

Tempat berunding sama disimpai

Uncangnya penebus hutang

Hutang aib dengan malu

16. Ayuh sambutilah sasterawan kita. Sambutilah Mastera.